

Penjawat awam dapat bantuan minimum RM1,000

Agihan kepada 4,009 penerima

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Seramai 4,009 penjawat awam di Pulau Pinang akan menerima bantuan khas kewangan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 yang mula akan dibayar Disember ini dengan implikasi perbelanjaan RM5.5 juta.

Berita baik itu disampaikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow dalam ucapannya selepas membentangkan Belanjawan 2021 negeri itu ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang bermula semalam.

Kon Yeow berkata, pemberian

bantuan khas kewangan itu diberikan bagi menghargai jasa penjawat awam yang menyumbang perkhidmatan terbaik terhadap pentadbiran negeri.

"Adalah diharapkan bayaran bantuan khas kewangan ini akan meningkatkan semangat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang pada tahun akan datang

"Penjawat awam adalah tulang belakang kepada semua perancangan, pelaksanaan dasar dan pembangunan negeri," katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow juga mengumumkan pemberian bantuan RM300 kepada 1,587 Penyelia

dan Guru Kelas Al Quran dan Fardu Ain (KAFA), manakala 320 guru tahfiz, pondok dan tadis akan menerima RM200 yang semuanya membabitkan peruntukan RM898,000.

"Bayaran ini juga dibuat pada Disember nanti," katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menghargai serta berterima kasih kepada seluruh pekerja barisan hadapan yang bertungkus-lumus membendung penularan wabak COVID-19.

"Kerajaan negeri ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada petugas barisan hadapan membantu memastikan kestabilan, keamanan dan ketenteraman awam," katanya.

Sementara itu ketika memben-

takan Belanjawan 2021, Kon Yeow memaklumkan Pulau Pinang sekali lagi mengalami defisit berjumlah RM403.80 juta iaitu lebih tinggi, berbanding unjuran defisit 2020 RM273.5 juta.

Defisit itu berlaku berikutan kutipan hasil negeri bagi tahun hadapan dijangka tidak menunjukkan peningkatan.

Katanya, kerajaan negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip pada 2021 berjumlah RM506.02 juta iaitu jangkakan jumlah hasil sedikit kurang berbanding tahun semasa 2020 berjumlah RM519.2 juta.

"Penurunan hasil ini adalah kerana sumber kerajaan negeri terhad dan tiada punca hasil baharu untuk 2021," katanya.



Chow Kon Yeow

"Namun kerajaan negeri masih perlu mengekalkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri setara tahun 2020 supaya jentera pentadbiran dapat berfungsi dengan efektif serta membolehkan projek pembangunan yang dirancang untuk kesejahteraan rakyat dapat diteruskan," katanya.

Jelasnya, perbelanjaan mengurus bagi 2021 dianggarkan berjumlah RM909.82 juta yang ia membabitkan perbelanjaan bekalan sebanyak RM875.51 juta bagi 20 jabatan dan RM34.31 juta untuk perbelanjaan tanggungan yang diperlukan tiga jabatan mengikut undang-undang dibawah Kumpulan Wang Disatukan.